

26 JUL 2002

Syed Hamid-Powell/I

POWELL AKAN BERTEMU DR MAHATHIR DAN ABDULLAH SEMASA LAWATAN

PUTRAJAYA, 26 Julai (Bernama) -- Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell dijangka bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa lawatan beliau ke Malaysia minggu depan.

Powell yang dijadual tiba pada 29 Julai, akan bertemu dengan Dr Mahathir dan Abdullah pada 30 Julai, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Saya pasti semasa lawatan ini kita akan dapat bertukar pandangan dan maklumat. Kita menunggu lawatan Collin Powell dan para pegawai Jabatan Pertahanan Amerika," kata beliau dalam persidangan berita selepas menyampaikan satu cek bernilai US\$30,000 (RM 114,000) kepada duta Syria ke Malaysia, Dr Kamal Sharaf di pejabatnya di sini, hari ini.

Sumbangan itu adalah daripada kerajaan Malaysia kepada kerajaan Syria bagi mangsa banjir akibat limpahan air empangan Zeyzoun pada 4 Jun lepas.

Syed Hamid berkata semasa lawatan beliau itu, Powell dijangka membincangkan isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa seperti keganasan dan konflik Israel-Palestin.

"Saya rasa kita boleh mendapatkan pandangan pihak Amerika akan perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk mencari penyelesaian bagi konflik Asia Barat," kata Syed Hamid.

Masyarakat antarabangsa sedih kerana tindakan agresif Israel, yang menyerang orang awam, katanya, merujuk kepada serangan udara oleh Israel pada Selasa di Bandaraya Gaza yang menyebabkan 15 warga Palestin terbunuh, termasuk pemimpin tentera Hamas Salah Shehada dan sembilan orang anaknya.

Mengenai bantuan kepada kerajaan Syria, beliau berkata sementara jumlah itu adalah kecil, ia lebih untuk menunjukkan persahabatan antara Malaysia dan Syria dan juga simpati kerajaan terhadap mangsa banjir itu.

Dalam tragedi itu, 10,000 orang kehilangan tempat tinggal dan 20 orang dilaporkan maut, kata beliau lagi.

"Sebagai tanda hubungan dua hala yang baik serta sebagai tanda simpati dan kesedihan mengenai tragedi itu, kita harus memberikan mereka sesuatu untuk membantu," kata beliau.

Syed Hamid berkata beliau telah dimaklumkan yang presiden Syria, Bashar al-Assad akan datang ke Malaysia tahun depan.

Beliau akan menghadiri sidang kemuncak pergerakan negara-negara berkecuali pada Februari depan, dan sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam pada Oktober, depan, yang akan diadakan di Kuala Lumpur.

Malaysia membuka kedutaannya di Damascus, Syria, awal tahun ini sementara Syria membuka kedutaannya di Kuala Lumpur tahun lepas.

Syed Hamid berkata hubungan perdagangan antara kedua-dua negara masih kecil, dengan perdagangan berjumlah lebih kurang US\$46.9 juta dan tiada pelaburan dicatatkan.

-- BERNAMA

MSL AKT PR